

Headline
Date
Media Title
Section
Circulation
Readership

Selendang Sakti Melati & Melur
05. Apr 2008
Berita Harian
Supplement
217920
2083000

Language
Page No
Article Size
Frequency
Color

MALAY
24
475 cm2
Daily
Full Color



Selendang Sakti, Melati & Melur

Teater percuma pelajar Bachelo Pendidikan Bahasa Melayu

Oleh Nazmi Yaakub
nazmi@bharian.com.my

PEMENTASAN dua teater *Selendang Sakti dan Melati & Melur* di Panggung Percubaan Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, pada 5 dan 6 April ini, bakal menguji bakat lakonan dan pengurusan pentas kira-kira 112 pelajar Bachelo Pendidikan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pertama, Fakulti Pendidikan di universiti berkenaan.

Selendang Sakti karya Rebecca Reiser diadaptasi Raihani Mohd Saaid di tangan pengarahnya, Radhiah Mohd Dom, mengangkat kisah Raja lakonan Kamarul Syaifudin Wajahudin yang mengambil keputusan drastik mahu meninggalkan singgahsana untuk menceburkan diri dalam dunia perniagaan roti.

Demi mencapai hasratnya, Raja yang gemar memasak itu mahu mengahwinkan puterinya, Puteri Aira lakonan Salinah Sawal dengan anak saudaranya, Putera Abu Bakar (Hassan Sirajuddin) kerana beliau berpendapat anak perempuan tidak boleh memerintah dengan baik tanpa bimbingan suami.

Bagaimanapun, Maharani Balu (Noor Suhaili Suhaimi) bersenjatakan selendang sakti yang mampu menundukkan

orang lain untuk mengikut perintahnya, menggunakan sihir itu dengan tujuan menguasai negeri terbabit dan merompak harta kerajaan sehingga menyebabkan Puteri Aira memerintahkan agar wanita terbabit dibicarakan.

Rancangan untuk membawa Maharani Balu ke muka pengadilan gagal, menyebabkan Raja dan Puteri Aira terpaksa melarikan diri ke Bandar, lalu membuat perancangan baru untuk merampas takhtanya kembali.

Naskhah *Melati & Melur* karya Lenny Erwan yang turut diadaptasi Raihani pula membawa mesej politik di sebalik pertembungan dua beradik, Melati lakonan Citra Dewi Saigy dan Melur (Haslinda Awaludin) yang mewakili pergeseran dua kelompok dalam negara.

Di tangan pengarahnya, Syakila Menhuri, dua beradik yang turut mempunyai adik bongsu, Mazlan (Razyff Mohd Rodzi) yang cacat pendengaran itu, berselisih pendapat apabila Melati mahukan kehidupan yang lebih baik untuk Melur walaupun tindakan itu dianggap cuba mengongkong kehidupannya.

Melati menjadi pengacara rancangan bicara yang terkenal, manakala Melur pula remaja lepasan sekolah yang bekerja



SEBAGIAN daripada babak Teater Melati & Melur.

MAHARANI Balu lakonan Noor Suhaili Suhaimi.

L. MANIHARAN | BERITA HARIAN

di restoran makanan segera Sugar Queen dan jatuh cinta pada penyeliannya, Hazwan (Syawal Idham Shafei) terpaksa mencari jalan untuk mengatasi pergeseran mereka.

Selendang Sakti sebagai drama muzikal dan *Melati & Melur* sebagai drama moden turut dimeriahkan dengan nyanyian koir, sekali gus menjadi halwa telinga kepada penonton terbabit.



ANTARA babak Teater Selendang Sakti yang dipentaskan pelajar Bachelo Pendidikan Bahasa Melayu UPM

Info

Selendang Sakti dan Melati & Melur

Tempat: Panggung Percubaan Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang

Tarikh: 5 dan 6 April
Karya: Rebecca Reiser (Selendang Sakti) dan Lenny Erwan (Melati & Melur)

Pengarah: Radhiah Mohd Dom (Selendang Sakti) dan Syakila Menhuri (Melati & Melur)

Tiket: Percuma
Maklumat lanjut: Shamsudin Othman (013-3423166); Raihani Mohd Saaid (016-6590707) atau Zulhasrin (013-7277339)